

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan secara terperinci jumlah kes yang tertunggak di Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian kes di antara majikan dengan pekerja. Sejauh manakah langkah-langkah atau inisiatif diambil untuk mempercepat penyelesaian kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Peranan Mahkamah Perusahaan (MP) adalah untuk mendengar kes-kes pembuangan kerja dan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh YB Menteri Sumber Manusia. Remedi yang diberikan oleh Mahkamah Perusahaan tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
2. Adalah menjadi hasrat MP agar setiap kes yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin tanpa penangguhan supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak bertikai sama ada pekerja atau majikan.

SOALAN NO : 17

3. Berdasarkan rekod jabatan bagi tahun 2017, daripada 4,274 kes yang dikendalikan sebanyak 1,655 kes telah diselesaikan (38.7%). Bagi tahun 2018, jumlah penyelesaian kes telah meningkat di mana daripada 5,771 kes yang dikendalikan sebanyak 3,181 kes telah berjaya diselesaikan (55.1%). Sehingga 25 September 2019, daripada 4,430 kes yang dikendalikan sebanyak 2,475 kes telah diselesaikan menjadikan baki kes yang masih dalam tindakan adalah sebanyak 1,955 kes. Perincian status baki kes yang masih dalam kendalian adalah seperti berikut :

| Status kes | Bilangan Kes |
|----------------------|---------------------|
| Menunggu Perbicaraan | 1,497 |
| Menunggu Keputusan | 215 |
| Menunggu Hujahan | 182 |
| Semakan Kehakiman | 61 |
| JUMLAH | 1,955 |

Sumber: Mahkamah Perusahaan

4. Mahkamah sememangnya sentiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak mengikut usia kes. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Mahkamah Perusahaan bagi mempercepatkan penyelesaian kes adalah seperti berikut :

- i) Menggunakan pendekatan *Alternative Dispute Resolution* (ADR) melalui kaedah Perantaraan (*Mediation*) atau Penilaian Awal (*Early Evaluation*) untuk mempercepatkan penyelesaian kes.

- ii) Memudahkan prosedur perbicaraan dengan memperkenalkan pemfailan pernyataan saksi sebelum perbicaraan. Ini adalah bertujuan untuk menjimatkan masa semasa perbicaraan di Mahkamah.

SOALAN NO : 17

- iii) Tidak membenarkan permohonan daripada peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes kerana sesuatu sebab atau alasan melainkan dengan sebab atau alasan yang munasabah dan tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit dan kecemasan.
- iv) Membangunkan Mahkamah Teknologi iaitu yang menggunakan teknologi sistem perekodan digital. Perekodan perbicaraan secara digital dapat mempercepatkan proses perbicaraan sesuatu kes.
- v) Mewajibkan penggunaan sistem ePemfailan dan ePenyerahan berkuatkuasa 1 Januari 2019 di mana dengan wujudnya sistem ini proses pengurusan kes akan lebih kemas, cepat dan dokumen-dokumen yang dikehendaki boleh dihantar terus melalui atas talian (*online*) sahaja.